

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
(TEMERLOH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan memperhalusi semula penentuan harga minyak mentah dengan kenaikan paras harga minyak mentah dunia kesan dari ketidakstabilan mata wang ringgit ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penentuan harga runcit petrol dan diesel di Malaysia adalah berdasarkan mekanisme pengapungan terkawal (*managed float*). Kerajaan telah melaksanakan mekanisme ini sejak 1 Disember 2014 di mana harga runcit petrol RON 95 dan diesel di pasaran ditentukan

berdasarkan purata harga minyak mentah dunia produk tersebut pada bulan sebelumnya. Sehubungan itu, secara amnya, harga runcit RON95 dan diesel di pam akan berubah pada setiap bulan bergantung kepada turun naik harga minyak mentah di pasaran dunia.

Pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal ini adalah salah satu langkah rasionalisasi subsidi Kerajaan bagi menstruktur semula dan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang lebih bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan secara terus hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan.

Selain itu, pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi ini adalah bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih cekap. Ketirisan perbelanjaan Kerajaan juga dapat dikurangkan khususnya melalui pengurangan kegiatan penyeludupan dan penyelewengan serta penggunaan barangan bersubsidi oleh warga asing.

Pada masa ini, sekiranya harga minyak mentah dunia semakin meningkat, Kerajaan tetap komited dengan langkah konsolidasi fiskal

dan tidak bercadang untuk kembali kepada mekanisme pengagihan subsidi secara pukal yang tidak cekap.

Tuan Yang Di-Pertua,

Penjimatan yang diperoleh pada tahun 2015 melalui rasionalisasi subsidi bahan api iaitu dengan pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal (*managed float*) ini adalah berjumlah kira-kira RM16 bilion. Sebahagian daripada penjimatan yang diperoleh tersebut disalurkan semula secara terus kepada kumpulan sasaran dalam bentuk bantuan tunai seperti BR1M dan bantuan persekolahan, manakala sebahagian lagi digunakan untuk pembiayaan program dan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Ini termasuk menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam. Di samping itu, Kerajaan terus menyediakan insentif bagi meningkatkan pengeluaran produk pertanian seperti padi dan getah serta perikanan yang turut memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi adalah bagi memastikan kecekapan pengurusan kewangan Kerajaan terjamin serta subsidi yang disalurkan memberi manfaat terus kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.